

22/02/2000

Perbicaraan Anwar ditangguh 6 Mac

KUALA LUMPUR, Isnin - Perbicaraan kes liwat membabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja terhadap Azizan Abu Bakar ditangguhkan kepada 6 Mac ini.

Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Ariffin Jaka membuat keputusan itu selepas membenarkan permohonan penangguhan yang dikemukakan oleh peguam bela Anwar, Christopher Fernando.

Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Datuk Abdul Gani Patail tidak membantah penangguhan itu malah menyokong penuh atas alasan yang sama.

Fernando memberitahu mahkamah bahawa pembela memohon penangguhan kerana memerlukan masa untuk menemuduga Anwar bagi menyiapkan afidavit untuk dikemukakan kepada mahkamah.

Afidavit itu akan digunakan menunjukkan kehadiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai saksi pembela diperlukan kerana keterangan yang akan diberikan mempunyai kaitan dengan kes berkenaan.

Jumaat lalu, Ariffin memerintahkan pembela mengemukakan afidavit itu sebelum Selasa ini bagi mahkamah meneliti sama ada keterangan yang akan dikemukakan oleh Dr Mahathir mempunyai kaitan dengan kes itu.

Fernando juga memberitahu mahkamah pihaknya memerlukan masa untuk menyiapkan hujah rayuan kes rasuah Anwar yang akan mulai didengar oleh Mahkamah Rayuan pada 28 Februari ini.

Katanya, pihaknya terpaksa meneliti fail rayuan yang agak tebal dan memerlukan penangguhan kes hari ini untuk membuat persediaan rayuan berkenaan.

Ariffin berkata, beliau memandang berat mengenai penyiapan afidavit itu dan memberi masa secukupnya kepada pembela untuk mengemukakan mengikut masa yang ditetapkan.

Sehubungan itu, katanya, mahkamah menetapkan tarikh sambung bicara pada 6 Mac ini dan jika rayuan itu tidak dapat diselesaikan pada tarikh berkenaan, perbicaraan akan ditangguhkan sekali lagi.

Anwar, 52, dan Sukma Darmawan, 39, dituduh meliwat Azizan di unit nombor 10-7-2, pangsapuri Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar, pada satu malam jam 7.45, di antara Januari hingga Mac 1993.

Bagi tuduhan itu, Anwar dan Sukma Darmawan didakwa mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Sukma Darmawan yang dihukum penjara enam bulan pada 19 September 1998 kerana membenarkan Anwar meliwatnya, juga didakwa atas tuduhan bersubahat dengan Anwar melakukan persetubuhan luar tabii dengan Azizan.

Anwar kini menjalani hukuman penjara enam tahun sejak 14 April lalu selepas didapati bersalah atas empat tuduhan melakukan amalan rasuah pada 1997.

(END)